



SIARAN MEDIA

JABATAN HAL EHWAL VETERAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JHEV ATM, TINGKAT 20, MENARA TH PERDANA, JALAN SULTAN ISMAIL, 50250 KUALA LUMPUR

TEL : 03-2050800

FAKS : 03-26917564

Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM telah mengeluarkan kenyataan berikut :

PROGRAM PEDULI VETERAN PERINGKAT NEGERI SABAH

Sabah, 11 Mac 2023 - Mejar Jeneral Zambery Jefry bin Haji Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah melaksanakan lawatan kebajikan dan menyantuni tiga orang Veteran ATM di sekitar negeri Sabah sempena Program Peduli Veteran. Program ini merupakan salah satu manifestasi Kementerian Pertahanan dalam menjaga kebajikan Veteran ATM dalam memastikan agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. Program Peduli Veteran yang dijalankan merangkumi lawatan kebajikan ke rumah veteran yang memerlukan bantuan seperti yang mengalami sakit kritikal, uzur serta hidup dalam keadaan daif. Disamping bertanya khabar, turut diselitkan penyerahan bantuan peralatan pesakit seperti katil pesakit, kerusi roda, tongkat *walking frame*, lampin pakai buang dan susu serta penyampaian sumbangan kotak makanan. Turut mengisi aturcara Program Peduli Veteran pada kali ini, Ketua Pengarah JHEV juga berkesempatan melawat veteran Rusdi@Eddie bin Unggah di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Beliau telah disahkan mengidap strok sejak 12 tahun yang lalu selepas menamatkan perkhidmatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia pada tahun 2014.

Agenda kebajikan Veteran ATM dan tanggungannya sentiasa diutamakan. Melalui JHEV ATM terdapat Skim Bantuan Kebajikan Dan Pendidikan JHEV ATM yang merupakan program bantuan kewangan bagi menjaga kebajikan Veteran ATM dan tanggungan mereka yang berkecukupan agar dapat memperbaiki dan menjalani kehidupan yang lebih selesa. Terbahagi kepada 5 skim iaitu Bantuan Sara Hidup, Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam. Melalui skim bantuan ini, JHEV telah membelanjakan RM 36,811,69.503 juta pada tahun 2022. Skim Bantuan Peralatan Pesakit bertujuan memberi bantuan kewangan sekaligus kepada Veteran ATM, isteri dan tanggungan untuk membeli peralatan bantuan sokongan seperti kerusi roda, tongkat, katil, tilam dan sebagainya. Kadar bantuan maksimum adalah RM 5,000.00.

Pada tahun 2022, sebanyak RM 398, 275.73 juta telah diperuntukkan kepada seramai 472 penerima yang menerima pelbagai bantuan peralatan pesakit melalui JHEV ATM.

Impak positif berjaya direalisasikan daripada inisiatif Program Peduli Veteran yang amat bermakna ini dalam agenda memastikan kebajikan dan kesejahteraan Veteran ATM terus terbela dan sentiasa terpelihara sejajar dengan jasa bakti dan pengorbanan yang Veteran ATM curahkan selama ini dalam menentukan keamanan dan keselamatan negara. Lebih ramai Veteran ATM yang terkesan berjaya disantuni bagi mendengar keluh kesah mereka secara bersemuka dan mampu meningkatkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat. Program Peduli Veteran di seluruh negara akan diteruskan dengan sasaran sekurang-kurangnya sebanyak 800 program dilaksanakan setiap tahun bagi memastikan semua Veteran ATM di seluruh negara dapat menikmati bantuan dan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM. Justeru, Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi Program Peduli Veteran melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

Program lawatan ini turut diiringi oleh Mej Nor Khairi bin Abd Rahman, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Sabah, Persatuan Veteran ATM (PVATM), Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM), Persatuan Veteran TLDM Cawangan Sabah, Persatuan Veteran TLDM Sabah (PVTLDMS), Persatuan Veteran Komando Malaysia Sabah, Persatuan Veteran RSD Sabah (PVRSDS), Pertubuhan Tentera Tidak Berpencen, Persatuan Veteran Paskal Sabah (PV PKLS), Kelab Sukan Veteran Angkatan Tentera Sabah, Yang Dipertua serta ahli PVATM Cawangan Sabah.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Kapt Ezrie Hanif bin Yusof TUDM (017-2540477)**, Ketua Unit Komunikasi Korporat JHEV atau **BK PNK Nurmazura binti Abd Majid (013-2202817)**, Penyelia Unit Komunikasi Korporat JHEV

**JABATAN HAL EHWAL VETERAN ATM
KEMENTERIAN PERTAHANAN
KUALA LUMPUR
11 MAC 2023**

**PENERIMA PROGRAM
PEDULI VETERAN ATM (PPV)
PADA 11 MAC 23**

“Responsif , Prihatin , Komited”

PENERIMA PROGRAM PEDULI VETERAN ATM (PPV)

Penerima 1	Butir-butir Maklumat
	Nama Veteran: Rusdi@Eddie bin Unggah No. KP: 701217-12-5659 No. Tentera: 1093874 Tempoh Berkhidmat: 22 Tahun
	Umur: 53 Tahun
	Alamat: Kg Kinarut, Sabah
	Status: ❖ Berpencen (RM 2,470.44) ❖ Strok
Catitan: ❖ Pemberian Lampin Pakai Buang dan Susu dan Pemberian Kotak Makanan semasa lawatan	

PENERIMA PROGRAM PEDULI VETERAN ATM (PPV)

Penerima 2	Butir-butir Maklumat
	Nama Veteran: Ajis bin Tamat No. KP: 770523-12-5015 No. Tentera: 1108124 Tempoh Berkhidmat: 18 Tahun
	Umur: 46 Tahun
	Alamat: Taman Pantai Lok Kawi, Sabindo, Sabah
	Status: ❖ Tidak Berpencen ❖ Baru Memohon BSH ❖ Buah Pinggang, Obesiti dan Sakit Jantung
	Catitan: ❖ Pemberian Katil Pesakit, Kerusi Roda, <i>Walking Frame</i> dan Pemberian Kotak Makanan semasa lawatan

“Responsif , Prihatin , Komited”

PENERIMA PROGRAM PEDULI VETERAN ATM (PPV)

Penerima 2	Butir-butir Maklumat
	Nama Veteran: Ahmed bin Abd Rahman No. KP: 481231-12-5119 No. Tentera: 1028905 Tempoh Berkhidmat: 24 Tahun
	Umur: 75 Tahun
	Alamat: Taman Sentosa, Kg. Ketiau, Sabah
	Status: ❖ Berpencen + Insurgensi (RM 1,516.51) ❖ OKU Cedera Perang (Pegguna Kaki Palsu)
	Catitan: ❖ Pemberian Kotak Makanan semasa lawatan

“Responsif , Prihatin , Komited”

KEKUATAN TERKINI VETERAN ATM
NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

- | | | |
|-------------------------------------|---|-------------|
| 1. Pencen Perkhidmatan: 3577 | } | 6364 |
| a. Sabah: 3486 | | |
| b. W.P Labuan: 91 | | |
| 2. Tidak Berpencen: 2787 | | |
| a. Sabah: 2632 | | |
| b. W.P Labuan: 155 | | |

SENARAI TERKINI PERSATUAN VETERAN ATM
NEGERI SABAH DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

1. Persatuan Veteran ATM (PVATM)
2. Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM)
3. Persatuan Veteran TLDM Cawangan Sabah (PVTLDMCS)
4. Persatuan Veteran TLDM Sabah (PVTLDMS)
5. Persatuan Veteran Komando Malaysia Sabah (PVKMS)
6. Persatuan Veteran RSD Sabah (PVRSDS)
7. Pertubuhan Tentera Tidak Berpencen (PTTB)
8. Persatuan Veteran Paskal Sabah (PV-PKLS)
9. Kelab Sukan Veteran Angkatan Tentera Sabah (KESVATS)